

Banjir: Mangsa di Pekan tertinggi

Seramai 9,961 orang daripada 2,711 keluarga masih berada di 33 pusat pemindahan

■ NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN

KUANTAN - Cuaca baik tanpa hujan lebat sejak kebelakangan ini tidak banyak membantu memulihkan keadaan banjir di daerah Pekan sebaliknya jumlah mangsa dipindahkan bertahan dengan dengan sedikit penurunan dicatatkan berbanding kelmarin.

Keadaan banjir di daerah Pekan ekoran beberapa kawasan masih ditenggelami banjir akibat aliran turun air dari bahagian hulu yang menyebabkan paras air Sungai Pahang di daerah itu meningkat.

Sehingga jam 6 petang semalam, jumlah mangsa banjir di Pekan mencatatkan jumlah 9,961 orang daripada 2,711 keluarga dari 46 kampung yang berada di 33 pusat pemindahan.

Berdasarkan maklumat perkembangan semasa banjir dikeluarkan Pusat Kawalan Banjir (PKOB) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, jumlah mangsa banjir di Kuantan juga bertahan dengan jumlah mangsa kekal seramai 1,127 orang daripada 283 keluarga yang masih berada di empat pusat pemindahan.

Keadaan ini disebabkan paras air banjir melanda beberapa kampung di kawasan itu termasuk Kampung Ubai, Kampung Semangat dan Kampung Penor terus bertahan akibat aliran air lambat lepas ke laut.

Jangkaan penduduk, paras air banjir di kawasan itu akan bertahan sehingga dua minggu (dari tarikh banjir melanda) sebelum surut sepenuhnya berdasarkan kejadian banjir tahun-tahun se-

belum ini.

Perkembangan banjir di Temerloh hampir pulih sepenuhnya apabila jumlah mangsa menurun, kini tinggal seramai 3,010 orang daripada 830 keluarga di 25 pusat pemindahan.

Sementara itu, bagi daerah Maran jumlah mangsa banjir hingga jam 4 petang seramai 2,779 orang daripada 807 keluarga manakala daerah Jerantut terdapat hanya lima pusat pemindahan masih dibuka menempatkan 563 mangsa membabitkan lebih 130 keluarga.

Manakala Bera kini mencatatkan 731 mangsa (198 keluarga) yang masih berada di 10 pusat pemindahan.

Secara keseluruhannya, jumlah mangsa banjir seluruh Pahang kini 18,171 daripada 4,959 keluarga.



Penternak kambing di Kampung Semangat membuat kandang sementara di atas daratan di pembahagi jalan berdekatan kampung bagi menyelamatkan haiwan ternakan mereka selepas kampung itu ditenggelami air.